

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan sebenar yang diberikan kepada negeri Kelantan untuk bantuan dan pemulihan kesan banjir yang berlaku pada Disember 2014 yang lepas, dan bagaimanakah ia disalurkan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha pemulihan pasca banjir di Kelantan, Kerajaan melaksanakan tiga program bantuan iaitu program bantuan wang ihsan, program pembinaan rumah kekal baru dan program pembaikan rumah.

Sehingga 19 Mac 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM36.9 juta bagi program bantuan wang ihsan untuk membantu seramai 73,885 ketua isi rumah mangsa banjir di Kelantan. Setiap ketua isi rumah akan menerima wang ihsan sebanyak RM500. Peruntukan wang ihsan disalurkan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk program pembinaan rumah kekal baru, sebanyak 1,918 buah rumah kekal baru telah dikenalpasti untuk dibina di Kelantan. Daripada jumlah tersebut, 1,346 buah akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos sebanyak RM48,000 sebuah manakala 572 buah lagi akan dibina oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan untuk pembinaan rumah kekal baru disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya.

Kerajaan juga telah memperuntukkan siling sebanyak RM10,000 untuk program pembaikan sebuah rumah. Setakat 19 Mac 2015, sebanyak 960 buah rumah telah diverifikasi dan disahkan layak untuk menerima peruntukan pembaikan rumah di Kelantan. Peruntukan untuk pembaikan rumah disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sekian. Terima kasih.